

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	8/9/2011



MOHD ALI (kiri) menyerahkan replika cek sumbangan kepada Amirullah (kanan) di Seri Negeri, Ayer Keroh, semalam sambil diperhatikan Dr Mahathir dan Ibrahim (dua dari kanan).

Melaka sumbang dana bantu mangsa kebuluran di Somalia

AYER KEROH: Kerajaan Melaka semalam menghulurkan sumbangan sebanyak RM30,000 kepada Tabung Bencana NSTP-Media Prima bertujuan bagi membantu mangsa kebuluran di Somalia, Afrika.

Sumbangan disampaikan oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam kepada Ketua Biro Berita Harian Melaka, Amirullah Andi Nur pada program 'Wacana Pemikiran' anjuran Pertubuhan Melayu Insaf Kreatif Malaysia (PEMIMPIN) di Seri Negeri, di sini.

Hadir menyaksikan majlis itu adalah bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir

Mohamad dan Pengerusi Eksekutif PEMIMPIN yang juga bekas Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof Tan Sri Dr Ibrahim Abu Shah.

Pada 19 Ogos lalu, kerajaan Melaka menyumbang sebanyak RM25,000 kepada tabung ini.

Tabung bagi membantu mangsa kebuluran di Somalia ini yang didokong bersama oleh Yayasan Keamanan Perdana Global (PGPF) dan MERCY Malaysia, dilancarkan oleh Dr Mahathir di Putrajaya pada 17 Ogos lalu.

Pada majlis sama, Mohd Ali turut menyampaikan

sumbangan RM20,000 kepada keluarga Allahyarham Noramfaizul Mohd Nor, jurukamera *BERNAMA TV* yang terbunuh di Mogadishu, Somalia pada 2 September lalu ketika membuat liputan misi kemanusiaan.

Dalam pada itu, orang ramai atau syarikat yang ingin menderma kepada Tabung Bencana NSTP-Media Prima boleh menghulurkan sumbangan masing-masing menerusi akaun Maybank 514105-320757 atau menghantar cek atas nama Tabung Bencana NSTP-Media Prima kepada Bahagian Kewangan NSTP, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.